

Aktor Bukan Negara dan Keselamatan Nasional di Malaysia: Tentera Diraja Sulu dan Pencerobohan Lahad Datu, 2013

Non-State Actor and National Security in Malaysia: The Royal Sulu Army and the Lahad Datu Intrusion, 2013

RAMLI DOLLAH & ZAINUS SAGI KHUSYAIRY PANGKAS

ABSTRAK

Sejak mencapai kemerdekaan, Malaysia berhadapan beberapa bentuk ancaman keselamatan seperti ancaman Komunis, konfrontasi Indonesia, tuntutan Filipina ke atas Sabah dan sebagainya. Namun, era pasca Perang Dingin berlaku perubahan dalam memahami keselamatan di mana ancaman keselamatan nasional banyak disumbangkan oleh aktor-aktor bukan negara, misalnya kumpulan pengganas. Oleh itu, makalah ini membincangkan mengenai insiden pencerobohan oleh kumpulan yang dikenali sebagai Tentera Diraja Sulu (RSA) di Tandu pada 2013. Pencerobohan ini memberikan gambaran bahawa aktor bukan negara juga mampu memberikan ancaman keselamatan yang sangat besar kepada keselamatan nasional. Malahan insiden ini menunjukkan bahawa ancaman yang ditimbulkan oleh kumpulan ini adalah lebih besar daripada ancaman yang ditimbulkan oleh elemen-elemen keselamatan tradisional yang menekankan kepentingan aktor negara dan penggunaan ketenteraan oleh negara lain seperti yang difahami dalam kajian keselamatan. Dalam menjelaskan bagaimana ancaman ini dilihat sebagai salah satu ancaman yang serius kepada keselamatan negara, beberapa indikator akan digunakan; pertama, cara kerajaan bertindak menangani ancaman ini; kedua, jumlah kematian yang disebabkan oleh RSA; ketiga, panik dan ketakutan dalam kalangan pasukan keselamatan dan masyarakat; dan keempat, jumlah wang yang diperuntukkan untuk menangani masalah ini. Artikel ini berhujah bahawa ancaman yang ditimbulkan oleh kumpulan ini menunjukkan dengan jelas bagaimana aktor bukan negara juga memberikan implikasi yang besar kepada keselamatan nasional di Malaysia. Oleh itu, satu pendekatan holistik diperlukan dalam usaha menangani masalah ini. Dalam usaha menyiapkan makalah ini, selain menggunakan bahan perpustakaan dan surat khabar, penulis turut menggunakan beberapa pendekatan lain seperti pemerhatian, temu bual, kerja lapangan di kawasan terbabit dan sebagainya untuk melihat keseriusan ancaman yang ditimbulkan oleh aktor bukan negara ini.

Kata kunci: Aktor bukan Negara; Malaysia; Keselamatan; Tentera di Raja Sulu, Tandu

ABSTRACT

Since independence, Malaysia has been facing various security threats such as the Communist threat, the Indonesia confrontation against Malaysia, the Philippine's claim on Sabah and so on. However, the post-Cold War era have changed the way of understanding national security because most of the security threats are emanated from the non-state actors, such as terrorists group. Therefore, this paper discusses the intrusion by a group called the Royal Sulu Army (RSA) in Tandu in 2013. This incidence proved that the non-state actors are also posing huge security threat to Malaysia's national security. Meanwhile, this intrusion also demonstrates that the threat emanated from the non-state actor is more threatening than the traditional security elements that emphasises the importance of the state and the use of the military by other countries. In explaining the seriousness and securities of the threat posed by the RSA, this article employs several variables; first, the way the government responds to the threat; second, the number of death during the intrusion; third, panic and fear among the security forces and also the public; and fourth,

the amount of money allocated to deal with the threat. This article argues that the threat by the non-state actors provides major implications in understanding the issue of national security in Malaysia. Therefore, a holistic approach is needed to tackle this threat. In preparing this article, in addition to the library research and also newspapers, the authors employ some other methods such as observation, interviews, field work and so on in order to understand the seriousness of the threat by the non-state actors.

Keywords: Non-state actor; Malaysia; Security; Royal Sulu Army; Tanduo

PENGENALAN

Salah satu daripada perspektif yang dominan dalam memahami kajian keselamatan adalah pendekatan yang diperkenalkan oleh aliran Realisme. Aliran ini menekankan kepada peranan penting yang dimainkan oleh elit dan aktor negara. Namun, disebabkan terlalu menumpukan kepada kepentingan negara menyebabkan peranan aktor bukan-negara dilihat kurang penting malahan tidak mendapat tempat dalam wacana Realisme. Ringkasnya, Realisme melihat peranan aktor-aktor negara seperti pemerintah, pihak penguat kuasa, pembuat dasar dan sebagainya yang merupakan elit negara sebagai aktor yang penting dalam kajian keselamatan. Dalam masa yang sama, peranan aktor bukan negara seperti badan bukan kerajaan (NGO), kumpulan etnik minoriti dan sebagainya dipinggirkan dan tidak diberikan perhatian dalam keselamatan. Akibatnya, isu-isu keselamatan pada masa ini banyak dimonopoli oleh elit negara. Malahan sejarah sepanjang era Perang Dingin menunjukkan bagaimana pentingnya peranan negara dalam menentukan sama ada sesuatu isu tersebut menjadi isu keselamatan atau tidak. Jelasnya, melalui perspektif Realisme isu keselamatan adalah milik eksklusif elit negara (pemimpin, tentera dan pembuat dasar) manakala aktor-aktor bukan negara dilihat tidak penting.

Bertitik tolak daripada permasalahan ini, kajian ini dengan menggunakan isu pencerobohan di Lahad Datu, Sabah menunjukkan bagaimana aktor bukan negara yang selama ini dilihat kurang penting dalam kajian keselamatan dan antarabangsa mempunyai peranan yang besar dalam memahami keselamatan. Walaupun kajian-kajian lepas cuba meminggirkan peranan aktor bukan negara dalam kajian keselamatan, namun hakikatnya peranan mereka ini sebenarnya sangat penting dalam memahami keselamatan. Selain itu, kajian ini juga akan menunjukkan bagaimana aktor bukan negara ini mampu menyaingi pengaruh aktor negara dalam sektor keselamatan. Malahan dalam banyak keadaan, ancaman yang dimiliki oleh aktor bukan negara ini adalah lebih dominan daripada pengaruh yang dimiliki oleh golongan elit negara ini.

DEFINISI KESELAMATAN NASIONAL

Salah satu agenda utama dalam kajian adalah berkaitan dengan isu keselamatan negara dan juga ancaman ketenteraan ataupun sering dikenali sebagai Keselamatan Nasional. Oleh itu, tidak menghairankan apabila terma Keselamatan Nasional sinonim dengan ancaman ketenteraan dan kedaulatan negara. Keadaan ini juga menyebabkan keselamatan tradisional sering diwarnai dengan idea Realisme yang melihat bahawa sistem antarabangsa mengandungi beberapa negara yang meletakkan kelangsungan (*survival*) negara sebagai agenda utama mereka. Konsep ini menjadi paradigma yang dominan dalam bidang hubungan antarabangsa, terutama sekali dalam sub-bidang kajian keselamatan antarabangsa (Nur Azizan 2012). Aliran Realisme/neo-Realisme yang dipelopori oleh sarjana-sarjana seperti Morgenthau dan Waltz misalnya menganggap bahawa negara dan kuasa tentera adalah objek utama dalam kajian keselamatan (Ramli & Kamarulnizam 2014).

Oleh itu, sebaik sahaja tamatnya Perang Dunia II, ekspresi 'Keselamatan Nasional' telah digunakan secara meluas untuk menunjukkan bagaimana polisi kerajaan yang bermatlamat untuk mempertahankan kedaulatan negara dari ancaman negara lain. Dalam hal ini, antara instrumen utama yang digunakan untuk mempertahankan keselamatan ini adalah seperti pembangunan ketenteraan, diplomatik dan juga perisikan. Di samping itu, walaupun pembangunan ekonomi turut dilihat penting dalam agenda ini, namun, pembangunan tentera konvensional dan nuklear dilihat sebagai kaedah yang paling efektif untuk mencegah ancaman dari negara lain (Wyn Jones 1999). Ini bertepatan dengan perspektif Realisme/neo-Realisme yang melihat ancaman yang timbul dari luar adalah ancaman yang berbentuk senjata/tentera dari negara lain. Oleh itu, cara terbaik untuk meningkatkan keselamatan sesebuah negara adalah dengan meningkatkan kualiti dan kuantiti kuasa ketenteraan negara termasuk meningkatkan kuasa senjata nuklear. Akibat persaingan yang sengit antara negara dalam politik antarabangsa ini menyebabkan timbul beberapa terminologi dan

konsep baru dalam kajian keselamatan misalnya konsep dilema keselamatan (*security dilemma*) iaitu, peningkatan keselamatan suatu negara meningkatkan rasa tidak selamat bagi negara lain. Tindak tanduk yang sebegitu dipercayai akan membawa kepada perlumbaan senjata yang mungkin keseluruhannya akan membawa kepada rasa tidak selamat negara lain dalam sistem antarabangsa (Nur Azizan 2012).

Oleh itu, tidak menghairankan kenapa semasa era Perang Dingin dan pasca Perang Dingin, wacana dan unit analisis mengenai keselamatan banyak tertumpu kepada soal ketenteraan dan negara (*state*) sebagai objek utama yang perlu dilindungi (*referent object*), menyebabkan peminggiran isu-isu keselamatan yang bersifat bukan-tentera dan ancaman daripada aktor bukan negara (*non-state actors*) (Krause & Williams 1996 & 1997; Booth 1991 & 2005, Dalby 2013; Caballero-Anthony 2015). Ia juga menjelaskan kenapa pendekatan Realisme/ neo-Realism tidak memasukkan isu bukan tentera seperti pendarang, kesihatan, kemiskinan dan beberapa isu bukan-tradisional lain sebagai isu keselamatan. Akibatnya, semasa era Perang Dingin, isu-isu bukan-tradisional seperti yang disebutkan di atas dianggap sebagai isu yang tidak penting dalam politik antarabangsa dan sering dianggap sebagai '*low politics*', manakala perang dan isu militari dianggap sebagai '*high politics*' dalam kajian keselamatan (Piper 2006).

Konsep keselamatan nasional telah mendominasi kajian keselamatan sejak tamatnya Perang Dunia II. Oleh itu, tidak menghairankan kenapa definisi-definisi awal mengenai keselamatan banyak menekankan negara (sempadan dan integriti) sebagai *referent object* dan tentera sebagai ancaman utama. Definisi ini digunakan secara meluas oleh aliran Realisme/neo-Realisme yang berpegang teguh kepada andaian bahawa negara merupakan rujukan utama (*referent object*) apabila membincangkan soal keselamatan. Pendekatan ini juga dikenali sebagai pendekatan Tradisionalis. Lippmann, salah seorang sarjana keselamatan pada tahun-tahun awal era Perang Dingin menyatakan;

A nation is secure to the extent to which it is not in danger of having to sacrifice core values, if it wishes to avoid war, and is able, if challenged, to maintain them by such victory in such a war.

(Lippmann 1945 dipetik dari Ayoob 1984: 41)

Seperti yang dijelaskan, definisi ini cuba melihat bagaimana peranan yang dimainkan oleh sesebuah negara bagi menghindari serangan atau mengalahkan sesebuah negara jika berlaku peperangan. Dalam hal ini ia menjelaskan bagaimana kepentingan peperangan sebagai instrumen utama pertahanan dan keselamatan negara. Berdasarkan kepada definisi ini juga, jelas menunjukkan bahawa ancaman merupakan sebab utama perlunya keselamatan. Namun, satu perkara yang pasti ialah definisi ini masih melihat keselamatan daripada perspektif Tradisional iaitu melihat negara, peperangan dan pembangunan ketenteraan sebagai perkara pokok untuk menjamin keselamatan dan kelangsungan negara. Ini tidak menghairankan kerana tempoh ini merupakan era persaingan antara Timur-Barat menyebabkan isu-isu lain dilihat kurang penting. Sehubungan itu, Nye Jr. dan Lynn-Jones (1987) menyatakan walaupun terdapat kesukaran untuk memahami fokus kajian keselamatan, namun sempadan kajian ini mudah untuk difahami. Menurut mereka, kajian keselamatan meliputi beberapa perkara;

... causes of conflict and war in the international system, the dynamics and outcomes of conflict, the nature and perception of threats, effort to ameliorate or resolve conflicts caused by such threats analyses of the problems of nuclear strategy, arms control, and deterrence, of conventional deterrence and conventional strategy, of the determinants of the defence policies of states, studies of military organizations and civil-military relations, and military history are familiar parts of the field.

(Nye Jr. & Lynn-Jones 1987: 6-7)

Pandangan ini diperkukuhkan lagi oleh Walt (1991), seorang sarjana neo-Realisme terkenal yang menulis sebaik sahaja tamatnya Perang Dingin. Bagi beliau kajian keselamatan adalah lebih kepada soal kepentingan negara dan penggunaan ketenteraan. Walt dalam hal ini mendefinisikan keselamatan sebagai;

The main focus of security studies is easily to identify, however: it is the phenomenon of war... security studies assumes that conflict between states is always a possibility and that the use of military force has far-reaching effects on states and societies... security studies may be defined as the study of the threat, use, and control of military force.

(Walt 1991: 212)

Berdasarkan kepada definisi yang dikemukakan oleh Walt ini, beberapa tema utama mengenai keselamatan dapat dikenal pasti. Pertama, tentera masih merupakan elemen utama keselamatan. Ancaman-ancaman lain seperti alam sekitar, wabak penyakit, ekonomi dan sebagainya bukan merupakan sebahagian daripada analisis keselamatan negara. Elemen-elemen ini hanya dianggap menjadi isu keselamatan nasional apabila ia mengancam negara. Kedua, oleh kerana negara merupakan objek rujukan utama, Walt tidak memasukkan ancaman yang berlaku pada tahap individu. Ringkasnya, walaupun kerajaan menjadi ancaman dan pembunuh utama kepada rakyat/warganya, seperti yang berlaku di beberapa negara di seluruh dunia seperti di Syria pada hari ini, namun Walt tidak menganggap isu ia sebagai isu keselamatan.

Walau bagaimanapun, tamatnya Perang Dingin menimbulkan beberapa persoalan besar dalam kajian yang sebelum ini dilihat terlalu sempit. Pasca Perang Dingin, memperlihatkan perubahan yang radikal dalam mencabar pendekatan aliran dominan mengenai keselamatan. Pendekatan baru mengenai kajian keselamatan berusaha meluaskan/melebarkan dan memperdalamkan lagi agenda kajian keselamatan (*broadening and deepening the security agenda*) daripada hanya memfokuskan kepada soal negara dan ketenteraan semata-mata, tetapi turut memasukkan aktor bukan negara dan isu-isu bukan ketenteraan. Malahan beberapa sarjana aliran *Critical Security Studies* (CSS) bertindak memasukkan beberapa objek baru (*referent objects*) yang perlu dipertahankan. Jelasnya kumpulan ini percaya bahawa negara (*state*) bukan satu-satunya objek yang penting dalam kajian keselamatan. Ini kerana objek-objek lain seperti manusia, individu, masyarakat (*societal*) ataupun bumi (*global/earth*) juga merupakan antara objek yang perlu diberikan perhatian dalam kajian keselamatan selain daripada negara tersebut (Buzan 1991; Booth 1991 & 2005, Krause & Williams 1996 & 1997, Caballero-Anthony 2015; Wyn Jones 1995). Ringkasnya, aliran *deepeners* ini percaya bahawa objek rujukan dalam kajian keselamatan boleh bergerak sama ada ke bawah (*'below'*) meliputi aspek seperti *civil society*, identity atau agama, gender, dan individu atau manusia tetapi juga bergerak ke atas (*'above'*) misalnya atmosfera dan bumi. Oleh itu, bertentangan dengan keadaan yang berlaku sepanjang era Perang Dingin, ancaman kepada negara di era pasca Perang Dingin juga datang daripada aktor bukan negara (contohnya kumpulan

pengganas, pemberontak dan sebagainya) yang memainkan peranan yang penting dalam membentuk landskap baru keselamatan. Selain itu, akibat tamatnya Perang Dingin dan berakhirnya sistem bipolar dalam politik antarabangsa menyebabkan isu-isu seperti pengganas, wabak penyakit dan pendatang seolah-olah menggantikan ancaman ketenteraan dari negara lain dalam kajian keselamatan. Isu migrasi misalnya yang sebelum ini disisihkan daripada perdebatan akademik semasa Perang Dingin mula menjadi antara isu hangat di pentas antarabangsa.

Dalam konteks Malaysia, hal yang sama turut berlaku di mana keselamatan dimonopoli oleh elit negara menyebabkan isu-isu bukan tentera dilihat sebagai kurang penting dan tidak memberikan kesan kepada keselamatan nasional. Namun, pada hari ini, ancaman bukan tentera oleh aktor bukan negara juga perlu diberikan perhatian dalam memahami politik dan keselamatan di Malaysia amnya (lihat misalnya Ramli 2004; Sharifah 2003). Bahagian seterusnya melihat bagaimana pencerobohan yang berlaku ke atas Lahad Datu pada tahun 2013 oleh kumpulan bersenjata yang dikenali sebagai RSA menunjukkan bagaimana ancaman yang ditimbulkan oleh elemen bukan tentera dan bukan-negara ini adalah penting dan lebih membimbangkan berbanding ancaman dari aktor negara. Andaian ini adalah berdasarkan kepada jumlah kematian di pihak Malaysia yang disebabkan oleh kumpulan ini, kaedah dan jumlah peruntukan yang besar digunakan kerajaan Malaysia untuk menangani ancaman tersebut dan kebimbangan rakyat Malaysia yang disebabkan oleh ancaman ini. Kesemua elemen-elemen yang menjadi indikator dalam memahami konsep keselamatan nasional ini menunjukkan dengan jelas bagaimana dalam memahami konteks keselamatan Malaysia, pencerobohan oleh kumpulan bersenjata RSA ini memberikan ancaman yang lebih membimbangkan kepada keselamatan nasional Malaysia berbanding ancaman dari aktor negara sekali gus mendedahkan kelemahan dalam sistem pertahanan di Malaysia.

LATAR BELAKANG PERISTIWA TANDUO, 2013

Insiden pencerobohan ini berlaku pada 9 Februari 2013 apabila sekumpulan warga Filipina dari Tawi-Tawi mendarat di sebuah masjid lama di kawasan Felda Sahabat, Lahad Datu. Kumpulan

ini menggunakan bot pancung dan berkumpul di sebuah rumah di Kampung Tanduo, Lahad Datu dengan kelengkapan senjata berat seperti pelancar roket, senjata M-16 dan senjata tajam seperti parang. Pencerobohan ini dipercayai mula dikesan apabila penduduk kampung Tambisan, sebuah perkampungan kecil di Lahad Datu yang majoritinya adalah para nelayan terbabit melihat kehadiran lebih kurang 100 orang berpakaian ala tentera dan membawa senjata yang memasuki kawasan Felda Sahabat. Para nelayan ini kemudiannya membuat laporan polis di balai polis berhampiran. Menurut penduduk kampung ini, kehadiran kumpulan penceroboh yang tiba dengan tiga buah bot yang mendarat di Silabukan dan Sungai Merah, iaitu laluan sungai yang terletak berhampiran dengan Kampung Tanduo. Menurut Abdul Rashid Harun, Pesuruhjaya Polis Sabah dan bekas Komander ESSCOM semasa temu bual pada 2016, pihak keselamatan mengambil langkah segera dengan mengepung kawasan Kg. Tanduo sebaik sahaja mengetahui mengenai hal ini.

Sehari selepas pencerobohan ini diketahui oleh pihak berkuasa Malaysia, kumpulan ini telah membuat pengakuan bahawa mereka ingin dikenali sebagai Tentera Diraja Sulu (*Royal Sulu Army - RSA*) dan enggan untuk dikaitkan dengan mana-mana militan lain di selatan Filipina. Mereka juga memberi jaminan bahawa akan meninggalkan negara ini dalam masa yang secepat mungkin apabila selesai membuat perbincangan dengan pihak perunding negara menerusi saluran yang betul. Kumpulan ini diketuai Raja Muda Agbimudin Kiram iaitu adik kepada Jamallul Kiram III dan Ismael Kiram III, individu yang mendakwa diri mereka sebagai waris Kesultanan Sulu. Salah satu objektif utama kumpulan ini adalah untuk mendapatkan semula Sabah, dahulunya dimiliki oleh Kesultanan Sulu daripada kerajaan Malaysia.

RUNDINGAN AWAL, 12 FEBRUARI 2013

Sebaik sahaja pihak berkuasa Malaysia menyedari kehadiran kumpulan ini, langkah awal yang dilakukan oleh kerajaan Malaysia adalah dengan memulakan proses rundingan dengan kumpulan ini. Rundingan pertama dijalankan pada 12 Februari 2013 sehari selepas laporan polis dibuat berkenaan kehadiran penceroboh tersebut. Tindakan kerajaan mengadakan rundingan adalah untuk memastikan bahawa isu ini dapat diselesaikan dengan aman.

Pada tahap ini, penggunaan kekerasan dilihat tidak mendatangkan kebaikan kepada kedua-dua pihak. Malah, pada masa yang sama undang-undang kemanusiaan antarabangsa perlu diambil kira kerana mereka berasal daripada Filipina. Di samping itu, penggunaan kekerasan juga dilihat akan mendatangkan persepsi negatif terhadap kemampuan kerajaan menangani masalah ini. Pada 14 Februari 2013, perdana menteri Malaysia, Mohammad Najib Abdul Razak menyatakan bahawa kerajaan akan memulakan rundingan dengan kumpulan ini memandangkan mereka mempunyai keluarga di negara ini di samping keinginan kerajaan untuk menangani masalah ini secara aman. Jelasnya, kerajaan dilihat berusaha menyelesaikan isu ini bagi mengelakkan berlaku sebarang pertumpahan darah antara penceroboh dan pihak berkuasa Malaysia.

Bagi membolehkan rundingan dijalankan dengan aman, pada 16 Februari 2013, Menteri dalam Negeri, Hishammuddin Hussein mula mengesahkan bahawa kumpulan penceroboh tersebut bukan kumpulan militan atau pengganas tetapi ‘penyokong kuat Kesultanan Sulu’ (*The Malaysian Insider* 16 Februari 2013). Kerajaan beranggapan bahawa kumpulan ini tidak mendatangkan ancaman kepada keselamatan negara. Hal ini kerana mereka tidak melakukan sebarang penculikan dan pembunuhan sebaliknya hanya melakukan kesalahan imigresen kerana memasuki negeri Sabah tanpa dokumen yang sah. Selain itu, Putrajaya juga menyatakan bahawa hasil perisikan yang dijalankan mendapati kumpulan penceroboh ini bukanlah pengganas dan tidak pernah terlibat dengan sebarang aktiviti keganasan (Mohd Razif 2014).

Dalam masa yang sama, kerajaan turut giat melaksanakan runding untuk memujuk kumpulan tersebut meninggalkan kawasan terbabit. Menurut Zahid Hamidi, pihak keselamatan akan cuba sebaik mungkin menyelesaikan masalah itu melalui perundingan, bukan pertumpahan darah (*The Malaysian Insider* 16 Februari 2013). Ketika proses rundingan berjalan, beberapa tuntutan telah dikemukakan oleh kumpulan ini; antaranya adalah kumpulan ini ingin diiktiraf sebagai “Askar Diraja Kesultanan Sulu” dan menuntut agar rakyat Suluk Filipina yang menetap di Sabah tidak dihantar pulang. Namun demikian, pihak keselamatan tidak melayan sebarang tuntutan daripada kumpulan ini (*Harian Ekspres* 17 Februari 2013). Malah Pesuruhjaya Polis Sabah, Hamza Taib turut

menyatakan bahawa kumpulan ini tiada mempunyai hak untuk memaksa kerajaan menerima tuntutan mereka kerana kehadiran mereka ke negeri ini adalah secara tidak sah. Malahan menurut Ketua Polis Negara, Ismail Omar, tuntutan mereka sukar dipenuhi kerana dilihat lebih kepada desakan berbanding permintaan (Muhammad Latif 2014).

Sementara itu, kerajaan Filipina misalnya bertindak menghantar sebuah kapal untuk membawa pulang kumpulan ini. Namun percubaan untuk membawa kumpulan ini pulang ke negara asal mereka gagal. Oleh kerana langkah ini kurang berjaya, kerajaan Malaysia digesa untuk mengadakan rundingan secara terus dengan Sultan Jamalul Kiram III di Manila untuk menamatkan masalah ini. Semasa proses rundingan ini sedang berjalan, ketua kumpulan tersebut iaitu Sultan Jamalul Kiram yang berada di Filipina memberikan kenyataan bahawa tenteranya tidak akan meninggalkan Sabah. Malahan Jamalul Kiram menyatakan "*Why should we leave our own home? In fact they (the Malaysians) are paying rent (to us)... our follower will stay in Lahad Datu. Nobody will be sent to Philippines. Sabah is our home*" (Daily Express 19 Februari 2013). Kenyataan sedemikian menunjukkan kesungguhan kumpulan ini untuk memaksa kerajaan Malaysia menerima tuntutan mereka. Malah, Jamalul Kiram III turut mendakwa bahawa kehadiran mereka ke Sabah secara aman dan tidak bersenjata. Malahan kumpulan ini bertegas bahawa mereka akan terus berada di Sabah walaupun tempoh rundingan sudah tamat.

Dalam hal ini, kerajaan bertindak memberikan masa kepada kumpulan ini untuk meninggalkan Sabah. Pada 28 Februari 2013 apabila rundingan belum menunjukkan tanda yang positif, pasukan keselamatan memulakan perang psikologi dengan menggugurkan risalah melalui helikopter tentera menggunakan bahasa Suluk dan Inggeris dengan harapan mereka dapat menyerahkan diri dalam masa 48 jam. Ayat yang digunakan adalah "*Lay down your weapon. Surrender, surrender, surrender.*" Penggunaan bahasa suluk dalam risalah berkenaan adalah kerana kumpulan penceroboh merupakan etnik Suluk Filipina yang menyokong perjuangan Sultan Sulu untuk menuntut Sabah. Di samping itu, kumpulan ini menghadapi masalah untuk mendapatkan bekalan makanan disebabkan pasukan keselamatan telah menutup sepenuhnya laluan ke kawasan tersebut (Muhammad Latif 2014).

Semasa rundingan giat dijalankan Menteri Luar Filipina iaitu Albert Del Rosario melalui Menteri Luar Malaysia, Anifah Aman selaku wakil kerajaan Malaysia memohon agar kerajaan Malaysia melanjutkan tempoh rundingan tersebut. Permohonan untuk melanjutkan tempoh pengusiran ini dibuat bagi membolehkan kerajaan Filipina melakukan rundingan sekali gus memujuk kumpulan bersenjata yang menceroboh Kampung Tanduo untuk balik ke selatan Filipina secara aman. Tindakan yang diambil oleh kerajaan Filipina ini adalah bagi menjaga hubungan dua hala antara Malaysia-Filipina disebabkan insiden di Lahad Datu ini sedikit sebanyak akan mempengaruhi hubungan baik di antara kedua-dua negara berjiran ini. Sepanjang tempoh ini, kerajaan Filipina menjalankan beberapa siri rundingan dengan wakil-wakil penceroboh ini dan mendesak agar mereka balik ke selatan Filipina secara aman. Namun sehingga tempoh berundur ini tamat, tidak ada sebarang tanda yang menunjukkan kumpulan ini akan keluar dari kawasan tersebut. Malahan kumpulan ini dikatakan bertindak membawa lebih ramai lagi ahli mereka memasuki negeri ini.

PERTEMPURAN DI KAMPUNG TANDUO, 1 MAC 2013

Pada 1 Mac 2013, beberapa hari selepas rundingan dan diplomasi dijalankan untuk meminta kumpulan ini keluar dari kawasan yang dicerobohi, berlaku pertempuran di antara kumpulan ini dengan pihak keselamatan Malaysia. Pertempuran tersebut berlaku apabila pasukan keselamatan Malaysia bertindak memasuki kampung Tanduo dalam usaha untuk memperketat kawasan kepungan sebelum terserempak secara tidak disengajakan dengan kumpulan penceroboh. Dalam situasi yang tegang ini, kumpulan penceroboh bertindak mengangkat bendera putih, yang kebiasaannya sebagai tanda menyerah diri. Namun, apabila pasukan keselamatan menghampiri kumpulan penceroboh ini, mereka telah melepaskan tembakan kepada pasukan keselamatan Malaysia menyebabkan berlakunya pertempuran antara kedua-dua belah pihak. Dalam pertempuran ini, dua anggota keselamatan iaitu daripada unit VAT 69 Komando terbunuh dan 12 orang kumpulan terbabit terbunuh sepanjang tempoh 20-30 minit berbalas tembakan. Dalam insiden ini, dua anggota polis VAT 69 yang terbunuh adalah Inspektor Zulkiffi Mamat dan Koperal Sabaruddin Daud. Selepas tamatnya

pertempuran ini, pihak keselamatan Malaysia berjaya merampas dua laras M16, dua laras rifle semi-auto, dua pucuk pistol, peluru pelancar roket, magazin peluru dan beg pakaian daripada pihak penceroboh (*New Sabah Times* 2 Mac 2013). Pada tahap ini, kebimbangan mula kelihatan dalam kalangan rakyat di Malaysia dan Sabah khususnya. Ini menyebabkan, Hamza Taib, Pesuruhjaya Polis Sabah memberikan jaminan bahawa pihak berkuasa masih berjaya mengawal keadaan keselamatan di kawasan ini (Utusan 3 Mac 2013).

Pada 2 Mac 2013, sehari selepas pertempuran ini, pihak PDRM sekali lagi bertindak menggugurkan risalah kepada kumpulan penceroboh dengan menggunakan helikopter. Risalah berkenaan menggunakan bahasa Suluk dan Inggeris serta mendesak kumpulan terbabit untuk menyerah. Di dalam risalah ini, ia menyebut “*Lay Down Your Weapon. Surrender, Surrender, Surrender*” (Letakkan senjata anda. Menyerah, menyerah, menyerah) (Utusan 3 Mac 2013). Pesuruhjaya Polis Sabah mengatakan bahawa tindakan menggugurkan risalah ini sebagai amaran terakhir kepada kumpulan ini agar keluar dari kawasan terbabit sebelum tindakan kekerasan diambil oleh pasukan keselamatan. Perancangan rapi telah disusun antara Polis di Raja Malaysia (PDRM) dan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) bagi menamatkan pencerobohan ini. Perdana Menteri turut mengulas mengenai pertempuran tersebut dan mengatakan bahawa kumpulan ini telah melakukan kesalahan undang-undang kerana menceroboh wilayah Malaysia. Akibatnya Perdana Menteri telah memberikan mandat sepenuhnya kepada Ketua Polis Negara (KPN) dan Panglima Angkatan Tentera (PAT) untuk mengambil segala tindakan yang perlu untuk mengakhiri insiden pencerobohan ini. Dalam hal ini, kerajaan tidak akan berkompromi dengan isu pencerobohan yang dengan jelas menggugat kedaulatan Malaysia. Menurut beliau;

Mereka (Polis dan Tentera) akan diberikan kuasa sepenuhnya untuk bertindak dengan apa saja mengikut budi bicara mereka tetapi kumpulan ini mesti ditumpaskan dan mereka mestilah diambil tindakan sepatutnya... saya tidak lagi buat keputusan. Terserah kepada mereka (Ketua Polis Negara dan Panglima ATM) untuk ambil tindakan... mereka akan diberikan kuasa sepenuhnya... sama ada mereka menyerah diri atau mereka terima apa jua kesan daripada tindakan mereka.

(Mohd Najib Tun Razak, dipetik dari *New Sabah Times* 2 Mac 2013)

SERANGAN-HENDAP DI SEMPORNA, 2 MAC 2013

Pada petang 2 Mac 2013, enam lagi pasukan keselamatan terbunuh dalam kejadian serangan hendap di kampung Sri Jaya, Simunul, Semporna, daerah yang terletak lebih daripada 200 km daripada pusat pertempuran di Tanduo. Insiden ini berlaku apabila pasukan keselamatan Malaysia bertindak melakukan operasi bagi mencari suspek yang terlibat dalam insiden pencerobohan di Tanduo sebelum diserang oleh kumpulan penceroboh, dipercayai mempunyai kaitan yang rapat dengan kumpulan di Tanduo. Berdasarkan risikan pihak berkuasa, kampung Sri Jaya di Simunul turut dijadikan markas operasi bagi kumpulan RSA. Ini mendorong sekumpulan anggota polis cawangan Semporna untuk melakukan intipan ke kawasan terbabit. Malangnya semasa proses mendapatkan maklumat risikan ini, mereka telah diserang hendap semasa oleh kumpulan bersenjata di kawasan ini. Menurut KPN, Ismail Omar akibat serangan hendap ini, enam orang anggota polis Malaysia telah terkorban dalam kejadian tembak menembak di Semporna manakala hanya dua orang ahli kumpulan penceroboh tersebut berjaya dibunuh (*Utusan Online* 3 Mac 2013). Antara anggota polis Malaysia yang terkorban dalam insiden ini adalah Sarjan Baharin Hamid, Lans Koperal Mohd Azrul Tukiran, Koperal Salam Togiran, Sarjan Abdul Aziz Sakiran, Supt. Ibrahim Lebar dan ASP Michael Padel. Keadaan ini telah bertambah meningkatkan ketegangan lanjutan daripada insiden berdarah yang berlaku sehari sebelum itu di Tanduo. Dalam masa yang sama, KPN dan PAT turut membidas tentang khabar angin yang mengatakan huru-hara berlaku di Kunak, Sandakan dan Semporna. Bekas Perdana Menteri Malaysia, Mahathir Mohamad kemudiannya memberikan respon berkenaan kematian lima orang anggota polis di Semporna ini dan menyatakan bahawa tiada lagi jalan yang terbaik selain melancarkan serangan balas untuk menyingkirkan penceroboh tersebut. Ini penting bagi mengelakkan nyawa yang bakal terkorban kerana mereka telah pun menyerang Sabah (Muhammad Latif 2014).

SERANGAN OFENSIF, 5 MAC 2013

Setelah rundingan damai antara kumpulan ini dan kerajaan Malaysia gagal, pasukan keselamatan Malaysia bertindak menggunakan langkah

kekerasan bagi menumpaskan kumpulan ini. Dalam keadaan yang cemas ini, kerajaan memutuskan untuk menghantar 7 batalion tentera ke kawasan pantai timur Sabah. Daripada jumlah ini, 5 batalion akan diletakkan di Lahad Datu dan 1 batalion di Sandakan dan 1 batalion lagi di daerah Tawau. Seterusnya pada 5 Mac, satu serangan ofensif telah dilancarkan oleh pasukan keselamatan pada pukul 7 pagi. Operasi ini dikenali sebagai Ops Daulat. Menurut Abdul Rashid Harun, dalam operasi ini, pasukan keselamatan melancarkan serangan menggunakan jet pejuang F/A-18 dan Hawk ke atas penceroboh kumpulan bersenjata di Kampung Tanduo, Lahad Datu. Serangan udara ini disusuli dengan serangan mortar oleh pasukan keselamatan Malaysia ke kawasan penceroboh. Ini diikuti dengan penggeledahan kawasan kubu kumpulan penceroboh yang dilakukan oleh pasukan tentera dan polis. Sementara itu, kawasan pesisir laut pantai timur Sabah juga dikawal sepenuhnya oleh pihak Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) serta beberapa agensi keselamatan lain misalnya Polis Marin dan juga APMM (Temu bual, Abdul Rashid 2016).

Perdana Menteri Malaysia, Najib Razak menegaskan bahawa kerajaan Malaysia akan mengambil tindakan sewajarnya bagi menjaga maruah dan kedaulatan negara. Selain itu, KPN dalam menjustifikasikan serangan ini berkata bahawa serangan ofensif ini dipercayai mampu menyelesaikan krisis pencerobohan pengganas Sulu di Tanduo, Lahad Datu. Sementara itu, Menteri Dalam Negeri, Hishammuddin Hussein mula mengakui bahawa kumpulan ini sebagai ancaman kepada keselamatan dan kedaulatan negara (*New Sabah Times* 6 Mac 2013). Apabila operasi yang melibatkan kekuatan udara, laut dan darat ini berjaya dilaksanakan, pasukan keselamatan mula menggunakan pesawat tanpa pemandu (UAV) atau drone bagi menilai dan melihat tahap kemusnahan di lokasi musuh yang telah diserang untuk tindakan susulan (*Utusan Malaysia*, 5 Mac 2013). Ini diikuti dengan tindakan pasukan komando polis VAT69 yang dibantu oleh Tentera Darat yang bertindak memasuki dan menggempur kedudukan musuh. Sementara itu, KPN, Ismail Omar mengesahkan tiada pasukan keselamatan yang terkorban semasa serangan ofensif ini.

Namun, muncul spekulasi apabila media Filipina mendakwa bahawa anak-anak kapal ketua pemberontak Agbimuddin bakal menghantar bantuan dari beberapa kumpulan kecil keluarga

daripada ahli-ahli keluarga pemberontak yang lain yang tinggal di sekitar Basilan, Sulu, Tawi-Tawi, Zamboanga di Filipina. Tindakan ini adalah bagi membantu keluarga mereka yang terperangkap di Lahad Datu. Rentetan daripada kenyataan yang dikeluarkan oleh media Filipina itu, pasukan keselamatan Malaysia telah meningkatkan misi pencarian individu-individu yang terlibat ini bermula dari Kampung Tanduo ke Kampung Tanjung Batu. Sementara itu, tiga pertubuhan bukan kerajaan iaitu Malaysia Islam Gabungan Rakyat (IRIMM), Ekonomi Malaysia dan Pejabat Sosial (DESMMA) dan Lembaga Pembangunan Pengguna Malaysia (LPPM) juga telah menyerahkan memorandum kepada wakil duta Filipina ke Malaysia untuk menggesa kerajaan Filipina menahan Jamalul Kiram III dan tentera-tenteranya bagi menamatkan kes pencerobohan ini. Selepas penangkapan tersebut, KPN, Ismail Omar memberi jaminan bahawa keselamatan di Lahad Datu adalah berada di bawah kawalan penuh pihak berkuasa Malaysia.

OPERASI "MOPPING-UP"

Pasca serangan ofensif, beberapa operasi susulan dan penggeledahan di Kampung Tanduo telah dijalankan untuk mengesan kumpulan penceroboh yang dipercayai masih bersembunyi di kawasan tersebut. Hal ini bagi memastikan kawasan sekitar Tanduo bebas dari segala ancaman pihak penceroboh. Sepanjang operasi ini, dipercayai pasukan penceroboh bertindak bergerak dalam kumpulan yang kecil di kawasan kampung Tanduo dan Kampung Batu. Sehingga 17 Mac 2013, seramai 62 penceroboh telah ditembak mati. Panglima Medan Tentera Darat, Leftenan Jeneral Zulkiple Kassim yakin bahawa kawasan Kg. Batu yang menjadi pusat kepada kumpulan ini dapat dibersihkan dan penduduk mula dibenarkan pulang ke kampung mereka. Zon penggeledahan dan pembersihan yang mempunyai keluasan sekitar empat kilometer persegi telah diluaskan kepada enam kilometer persegi. Namun demikian, tiada tanda yang menunjukkan kumpulan tersebut untuk meletakkan senjata dan menyerahkan diri. Hal ini ditegaskan oleh anak perempuan Jamalul Kiram III iaitu Puteri Jacel Kiram yang mengatakan pengikut mereka tidak akan menyerah walaupun telah diserang oleh pasukan keselamatan. Kumpulan tersebut akan terus bertahan di Sabah kerana bagi mereka itu merupakan satu penghormatan.

CEMAS, PANIK DAN KETAKUTAN DI SABAH

Bermula sejak awal pencerobohan ini berlaku apabila ia dilaporkan secara meluas dalam laporan berita dan laporan akhbar di Malaysia, masyarakat berbilang kaum di Malaysia meneliti perkembangan yang berlaku ini dengan penuh berhati-hati. Namun, apabila berlakunya pertempuran di Tanduo yang menyebabkan kematian pasukan keselamatan Malaysia dan insiden Simunul yang menyebabkan kematian beberapa anggota polis Malaysia, rasa cemas, panik dan takut dalam kalangan masyarakat mula kelihatan. Keadaan ini lebih-lebih lagi apabila pihak berkuasa sendiri memberikan kenyataan meminta penduduk di kawasan pantai timur Sabah agar berhati-hati dan menutup lampu mereka pada waktu malam bagi mengelakkan sebarang insiden yang tidak diingini daripada berlaku. Selain itu, semasa temu bual pengkaji dengan beberapa orang penduduk di daerah Semporna, Tawau, dan Lahad Datu pada April-Jun 2013, mendapati bahawa penduduk juga diarahkan untuk tidak meninggalkan rumah mereka pada waktu malam (Temu bual, Semporna, Tawau dan Lahad Datu, April-Jun 2013) Akibatnya, pada waktu malam, kawasan bandar, pekan, perumahan dan perkampungan kelihatan bergelap seolah-olah terputus bekalan elektrik. Tidak ada sebarang aktiviti dijalankan. Penduduk yang kebiasaannya akan tidur sekitar pukul 10.00 malam kini senyap dan mula tidur sekitar pukul 8.00 malam. Pada waktu siang, fungsi bandar sebagai pusat ekonomi hampir menjadi lumpuh. Aktiviti ekonomi penduduk terhenti seketika. Petani enggan untuk pergi ke kebun mereka, nelayan enggan untuk ke laut bimbang keselamatan mereka terancam dan kedai-kedai runcit, restoran dan sebagainya yang kebiasaannya meriah kini hampir kesemuanya tutup. Dengan kata lain hampir kesemua aktiviti penduduk di kawasan ini terhenti. Rasa bimbang dan cemas masyarakat ini dapat dilihat melalui tindakan ramai penduduk di kawasan pantai timur Sabah ini yang bertindak untuk mengunjungi anak-anak dan keluarga mereka di daerah-daerah yang lebih selamat seperti di Tawau dan Kota Kinabalu. Sementara itu, terdapat juga sebahagian daripada anak-anak dan keluarga-keluarga mereka yang datang ke kawasan seperti Semporna untuk menemani ibu bapa mereka.

Di daerah-daerah utama di pantai Timur misalnya Semporna, Lahad Datu dan Kunak

penduduk mula terasa bimbang dan panic. Sekatan dan pemeriksaan jalan raya yang berlaku di hampir setiap jalan utama di kawasan ini dan dijalankan 24 jam sehari menunjukkan ketakutan pada masa tersebut. Di setiap pos-pos kawalan polis atau tentera, beg-beg dipenuhi pasir yang digunakan sebagai kubu pertahanan sekiranya berlaku insiden peperangan dapat dilihat dengan jelas. Pemeriksaan dilakukan oleh pihak tentera dan polis yang kelihatan agak letih dan bimbang dapat dilihat dengan jelas di muka anggota-anggota ini. Dengan bersenjata M16 dan menutup kepala ala komando meningkatkan lagi rasa cemas, panik dan takut dalam kalangan masyarakat. Selain itu, jumlah anggota tentera dan polis dengan jumlah yang ramai dengan trak-trak tentera dan polis mengawal setiap kawasan di daerah-daerah ini dapat dilihat dengan mudah seolah-olah kawasan ini berada dalam zon perang.

Ringkasnya, pemerhatian dan temu bual pengkaji di beberapa daerah seperti Semporna, Tawau dan Lahad Datu sekitar April-Jun 2013 mendapati bahawa keadaan adalah seperti darurat atau perang di mana kawasan-kawasan bandar hanya dipenuhi oleh pasukan keselamatan. Pihak polis dan tentera mengawal hampir setiap sudut kawasan bandar. Malahan sepanjang tempoh awal ini, jumlah anggota beruniform adalah lebih tinggi daripada jumlah penduduk awam di kawasan bandar. Bandar-bandar ini menjadi lengang seolah-olah berlakunya darurat. Kenderaan-kenderaan awam yang biasanya menjadikan bandar-bandar ini kawasan yang sesak berada dalam keadaan yang sunyi. Penduduk takut keluar rumah, bimbang keselamatan mereka terganggu. Sekolah dan pejabat-pejabat kerajaan ditutup (atau mungkin pekerja enggan untuk datang bekerja kerana bimbang dengan keadaan keselamatan mereka). Di bandar-bandar ini, penembak tepat milik tentera dan polis kelihatan bersiap sedia di setiap penjuru bangunan. Semasa lawatan pengkaji ke beberapa kawasan seperti Semporna yang jauh dari kawasan pertempuran di Lahad Datu, kereta-kereta perisai milik polis dan tentera sering kelihatan mengawal kawasan terbabit (Temu bual di Semporna, Tawau dan Lahad Datu, April-Jun 2013).

Di Kota Kinabalu misalnya, pemerhatian pengkaji pada Februari hingga April 2013 mendapati bahawa, pangkalan tentera Darat di Lok Kawi misalnya yang dilengkapi dengan kubu-kubu pasir di setiap sudut dengan rondaan 24 jam sehari mula menimbulkan rasa cemas penduduk awam

yang melalui kawasan ini. Ini kerana ia seolah-olah mewujudkan situasi perang di kawasan ini. Selain itu, kehadiran trak-trak tentera TLDM yang kebiasaannya mengangkut anak-anak ke (dan pulang) dari sekolah kini dilihat dianggap sesuatu yang negatif dan mencemaskan penduduk. Malahan terdapat ramai ibu-bapa yang melarang anak mereka pergi ke sekolah kerana bimbang dengan keadaan ini. Terdapat juga khabar angin yang menyatakan bahawa insiden pencerobohan akan berlaku di beberapa kawasan Kota Kinabalu. Mesej-mesej melalui telefon bimbit menjadi tular menyatakan bahawa penduduk perlu untuk berhati-hati dan tidak keluar dari rumah mereka kerana insiden yang sama akan berlaku di kawasan ini. Jelasnya fenomena yang berlaku ini menunjukkan dengan jelas bagaimana kebimbangan penduduk ini akibat daripada insiden pencerobohan Tanduo. Selain itu, papan-papan tanda pejabat penguat kuasa dan pejabat-pejabat kerajaan mula disembunyikan. Pejabat APMM di sekitar Kota Kinabalu misalnya ditutup dengan kain-kain putih untuk menyembunyikan nama pejabat terbabit. Hal yang sama turut berlaku di beberapa buah jabatan kerajaan lain. Manakala di ibu pejabat polis Kepyayan, Kota Kinabalu, kelihatan polis berkawal ketat di setiap penjurong dengan senjata. Di jabatan Penjara yang biasanya agak lengang juga kelihatan dikawal dengan rapi oleh pasukan keselamatan. Keadaan ini menunjukkan dengan jelas bahawa wujudnya kebimbangan dalam kalangan penguat kuasa tentang ancaman yang bakal ditimbulkan oleh kumpulan bukan-negara ini yang tidak pernah dialami oleh negara sebelum ini.

Keadaan yang lebih teruk dialami oleh penduduk awam di negeri ini. Akibat kebimbangan ini, maka terdapat ura-ura yang menyatakan bahawa terdapat ramai penduduk semenanjung akan pulang ke Semenanjung kerana bimbang dengan keadaan yang membimbangkan di negeri Sabah. Malahan pegawai-pegawai kerajaan dilarang keras memakai baju-baju korporat yang melambangkan identiti jabatan di mana mereka bertugas. Dalam kalangan masyarakat tempatan, keadaan panik ini menyebabkan ramai yang berpusing-pusing ke pasar-pasar raya untuk membeli beras dan keperluan harian lain untuk simpanan 2-3 bulan jika berlaku masalah yang lebih besar. Terdapat juga yang menyimpan stok minyak diesel dan petrol untuk tempoh beberapa bulan. Ramai dalam kalangan ibu bapa yang melarang anak-anak mereka untuk pergi ke sekolah. Dengan kata lain, insiden

Tanduo memberikan implikasi yang besar dalam kehidupan penduduk Sabah yang tidak pernah dialami oleh penduduk negara ini, terutamanya di Sabah menyebabkan ia menimbulkan panik yang mampu menggugat keselamatan dan kesejahteraan penduduk.

DOA DAN HARAPAN KEPADA HERO MALAYSIA

Situasi yang sama berlaku di laman media-media sosial. Dalam hal ini, laporan-laporan langsung daripada kawasan kejadian menjadi topik utama di media-media sosial. Media utama laman-laman sosial memberikan laporan yang luar biasa kepada keadaan yang berlaku di kawasan terbabit. Akhbar-akhbar utama negeri Sabah seperti *Daily Express*, *Borneo Post* dan *New Sabah Times* yang kebiasaannya dijual di beberapa kedai-kedai runcit atau stesen minyak kini sukar diperolehi kerana jumlah pembaca yang terlalu ramai ingin mengikuti perkembangan di kawasan ini. Facebook yang menjadi ruang utama masyarakat untuk berinteraksi dan berkongsi maklumat mengenai sekatan jalan raya, tindakan pihak berkuasa, laporan langsung dari tempat kejadian, laporan dari kawasan-kawasan berhampiran dan sebagainya dipenuhi dengan doa-doa, harapan serta sokongan kepada pihak keselamatan. Dengan kata lain, penduduk yang sebelum ini sering mengeji dan mencaci peranan pihak berkuasa mula melihat peranan penting yang dimainkan oleh pasukan keselamatan negara. Mereka dipuji, dipuja dan diagung-agungkan sebagai hero utama negara. Laman web PDRM merupakan antara laman web yang paling banyak dilawati dan segala maklumat terbaru dikongsi dalam kalangan warga Internet.

Dalam masa yang sama, pusat-pusat agama seperti masjid, surau dan juga pusat agama untuk penganut bukan Islam di seluruh Malaysia dan Sabah khususnya mula mendoakan keselamatan negara dan pasukan keselamatan Malaysia. Solat-solat sunat diadakan dengan kerap bagi mendoakan keselamatan dan kesejahteraan negara. Setiap hari Jumaat, masjid-masjid utama yang mengumpulkan sejumlah besar masyarakat Islam untuk solat Jumaat digalakkan untuk mengadakan solat hajat kepada perajurit-perajurit negara. Dalam masa yang sama, pelekat-pelekat kenderaan yang mengandungi kata-kata semangat misalnya *Pray for Sabah* dan sebagainya dijual secara meluas. Jelasnya, rakyat

Malaysia berada dalam kesatuan untuk menentang ancaman dari luar yang ingin mengganggu gugat keselamatan negara. Masyarakat pelbagai agama dan bangsa di negara ini mula menganggap mereka berkongsi nilai dan negara yang sama dan perlu dipertahankan bersama-sama. Namun yang pasti adalah kebimbangan penduduk akan keselamatan mereka, keluarga dan negara tidak dapat disembunyikan terutama di media-media sosial. Dalam masa yang sama, terdapat juga laporan-laporan palsu yang memenuhi saluran media alternatif ini.

Bagi meredakan keresahan awam, sejak awal lagi Pesuruhjaya Polis Sabah iaitu Hamza Taib telah memberikan jaminan bahawa keadaan adalah terkawal. Malah, jaminan keselamatan turut diberikan oleh Ketua Menteri Sabah, Musa Aman mengatakan situasi terkawal. Beliau yang turut merupakan Pengerusi Jawatankuasa Keselamatan Negeri berasa yakin dengan pihak berkuasa dalam mengawal keadaan dan memuji sikap profesional pihak keselamatan dalam menyelesaikan krisis ini (*New Sabah Times* 20 Februari 2013). Keadaan ini sedikit sebanyak mengurangkan kebimbangan masyarakat awam tentang insiden terbabit. Sementara itu, Menteri Dalam Negeri menyatakan bahawa insiden ini tiada kaitan dengan isu perkauman atau tuntutan tetapi insiden ini boleh mengancam keselamatan nasional. Justeru, kehadiran ramai anggota keselamatan di Kg. Tanduo adalah bertujuan bagi mengawal pergerakan penceroboh dan mengelakkan mereka bertindak agresif.

PENGGUNAAN AKTA KESALAHAN KESELAMATAN (LANGKAH-LANGKAH KHAS) 2012

Pada 20 Mac 2013, lapan orang warga Filipina dihadapkan ke Mahkamah Tinggi Tawau dan dua didakwa mengikut Seksyen 121 Kanun Keseksaan yang membawa hukuman mati kerana melancarkan perang. Sementara itu empat orang yang lain didakwa mengikut Seksyen 130 Kanun Keseksaan yang membawa kepada hukuman penjara seumur hidup kerana menjadi sebahagian daripada kumpulan pengganas. Pada 1 April 2013, 7 orang lelaki warga Filipina yang berumur antara 20-63 tahun dihadapkan ke Mahkamah Majistret Lahad Datu kerana melancarkan perang dan dijatuhkan hukuman kerana terlibat dalam keganasan di

bawah Seksyen 177A (2) Kanun Prosedur Jenayah. Kes ini kemudiannya dipindahkan ke Mahkamah Tinggi Tawau. Sementara itu, seorang anggota polis didakwa di mahkamah yang sama di bawah Seksyen 130 Kanun Keseksaan kerana dengan sengaja mendedahkan maklumat kepada pengganas di Kampung Tanduo. Kesalahan itu membawa hukuman penjara maksimum 7 tahun atau denda atau kedua-duanya jika disabitkan kesalahan.

Selain itu, antara langkah lain yang diambil oleh kerajaan Malaysia dalam menangani isu pencerobohan yang berlaku di Lahad Datu ini adalah dengan menguatkuasakan Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) 2012 atau lebih dikenali sebagai Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) (*Security Offences - Special Measures*) (SOSMA). SOSMA digubal pada tahun 2012 bagi menggantikan ISA setelah ISA dimansuhkan pada tahun 2011. SOSMA merupakan undang-undang yang dirangka dengan mengambil kira keseimbangan antara hak asasi dan kepentingan keselamatan negara. SOSMA digubal berdasarkan peruntukan 149 Perlembagaan Persekutuan dan tujuan diperkenalkan adalah bagi mengenal pasti serta membanteras aktiviti pengganas, pengintipan dan ancaman terhadap keselamatan negara. Dalam kes pencerobohan yang berlaku di Lahad Datu pada awal tahun 2013 ini, SOSMA digunakan dalam menjalankan penyiasatan ke atas penceroboh-penceroboh yang telah berjaya ditangkap oleh pihak polis Malaysia. Dalam hal ini, lapan individu yang dituduh di bawah Seksyen 130 Kanun Keseksaan yang dibaca bersama dengan Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) 2012 (SOSMA) di Mahkamah Seksyen Lahad Datu pada 1 April 2013. Kesemua mereka ini dituduh terlibat dengan aktiviti pencerobohan yang berlaku di Lahad Datu (Utusan 7 Disember 2013). Menurut Pesuruhjaya Polis Sabah, Hamza Taib sekiranya terdapat bukti kukuh yang membuktikan tuduhan yang dibuat ke atas individu yang ditahan, maka pihak polis boleh mendakwa individu berkenaan di bawah Seksyen 130 Kanun Keseksaan yang dibaca bersama-sama dengan SOSMA.

PENUBUHAN ESSCOM DAN ESSZONE

Lanjutan daripada insiden pencerobohan di Tanduo dan peristiwa di Semporna ini, kerajaan Malaysia mengisytiharkan penubuhan Kawasan Pantai Timur Sabah sebagai Kawasan Keselamatan Khas (*Special*

Security Area (SSA)). Namun, dalam satu mesyuarat Jawatankuasa Keselamatan Negeri Sabah (*Sabah State Security Council*) yang dipengerusikan oleh Ketua Menteri Sabah, Musa Aman pada 11 Mac 2013, ia bersetuju untuk menukarkan nama SSA kepada *Eastern Sabah Security Command (ESSCOM)*. ESSCOM yang berpusat di Lahad Datu merupakan pusat operasi pembersihan saki-baki pengganas Sulu yang bertanggungjawab mengkoordinasi operasi, pengumpulan maklumat risikan, pengendalian aset-aset keselamatan, pengurusan anggota-anggota keselamatan dan memastikan kawasan perairan Sabah selamat dari ancaman luar. ESSCOM menggabungkan beberapa agensi keselamatan di bawah satu payung. Antara agensi yang terlibat adalah seperti ATM, PDRM, Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM), Kastam diraja Malaysia dan Imigresen yang diletak di bawah satu pentadbiran dan arahan pusat yang sama (Ramli et al. 2016).

Lanjutan penubuhan ESSCOM, pada 25 Mac 2013, Perdana Menteri Najib Tun Razak mengumumkan pewujudan Zon Selamat Sabah Timur atau *Eastern Sabah Security Zone (ESSZONE)* yang meliputi 10 daerah di Pantai Timur Sabah. Antara kawasan yang terlibat dalam ESSZONE ini meliputi daerah Kudat, Kota Marudu, Pitas, Beluran, Sandakan, Kinabatangan, Lahad Datu, Kunak, Semporna dan Tawau. Penduduk dan masyarakat yang berada dalam wilayah ESSZONE ini dikenali sebagai komuniti ESSZONE. Kewujudan wilayah ESSZONE selaras dengan situasi perairan pantai timur Sabah yang terdedah dengan ancaman keselamatan yang wujud dari kawasan selatan Filipina (Ramli & Mohd Zambri 2015).

Penubuhan ESSCOM dilihat akan membawa kepada pembaharuan pelbagai infrastruktur di bahagian pantai timur Sabah dengan membaik pulih keadaan jalan raya, pembinaan lapangan terbang baru di Lahad Datu serta beberapa usaha lain terutamanya dalam usaha menarik pelabur dan pelancong masuk ke negara ini. Jelasnya tindakan ini penting untuk memastikan peningkatan dari segi kedatangan pelancong asing kerana mereka akan merasa lebih selamat memandangkan *Danum Valley* dan *Tabin Wildlife Park* yang berada di daerah Lahad Datu merupakan antara tarikan utama pelancong. Ahli Parlimen Silam, Salleh Kalbi mengatakan dengan pelbagai usaha kerajaan yang akan dilakukan oleh ESSCOM di kawasan ini akan memberi keyakinan kepada penduduk Sabah

bahawa kerajaan akan memastikan keamanan dan kedaulatan kepada negeri *Land Below the Wind* ini.

Selain itu, bagi memastikan kejayaan ESSCOM, kerajaan turut menggariskan beberapa perkara penting yang perlu diambil untuk memastikan kejayaan organisasi tersebut dalam mencapai matlamatnya. Pada April 2013 misalnya, Mohd Najib Tun Razak menggariskan empat perkara penting bagi memastikan kelangsungan dan kejayaan ESSCOM dalam memberikan perlindungan kepada komuniti ESSZONE. Empat elemen tersebut adalah pertama, meningkatkan kemampuan perisikan; kedua, pemantauan pengawalan pantai untuk 24 jam sehari; ketiga, meningkatkan kemampuan negara untuk memintas sebarang ancaman dari laut dan, keempat, penguatkuasaan undang-undang yang ketat dengan tindakan pantas ke atas ancaman tersebut (Ramli & Mohd Zambri 2015).

Dalam masa yang sama, bagi tujuan memperkasakan ESSCOM dan keselamatan di wilayah ESSZONE, beberapa inisiatif telah dilakukan oleh kerajaan. Dalam bajet 2014 misalnya, ESSCOM mendapat peruntukan tambahan sebanyak RM75 juta bagi tujuan pengurusan dan RM2.4 juta untuk membeli peralatan dan kelengkapan pertahanan ATM. Manakala dalam bajet tahun 2015, kerajaan memperuntukkan sebanyak RM17.7 bilion ringgit untuk ATM, sementara sebanyak RM9.1 bilion ringgit diperuntukkan untuk PDRM. Sejumlah RM804 juta juga diperuntukkan kepada APMM bagi mengukuhkan penguatkuasaan maritim. Selain itu, dalam Bajet 2015 juga kerajaan telah memperuntukkan RM660 juta untuk menubuhkan dua batalion baru iaitu Kem Batalion Pasukan Gerakan Am (PGA) PDRM di kawasan ESSZONE iaitu di Beluran, Sandakan dan Kem batalion Tentera Darat akan ditubuhkan di FELDA Sahabat. Di samping itu, kerajaan juga memperuntukkan sebanyak RM230 juta untuk menggunakan satu pelantar minyak yang diubahsuai dan sebuah kapal *auxiliary* sebagai *Sea basing* di perairan ESSZONE melalui program tanggungjawab sosial atau *Corporate social responsibility (CSR)* Petronas. Sebagai tambahan, untuk membolehkan pesawat berkeupayaan tinggi mendarat, kerajaan merancang untuk memanjangkan landasan lapangan terbang di Lahad Datu dan perpindahan Skuadron Hawk dari Butterworth ke Labuan dengan peruntukan sebanyak RM50 juta (Ramli et al. 2015).

KESIMPULAN

Berdasarkan kepada perbincangan di atas, jelas menunjukkan bagaimana situasi negara Malaysia dan Sabah khususnya semasa berlakunya pencerobohan insiden Tanduo oleh kumpulan RSA. Hakikatnya, walaupun aktor bukan negara dilihat kurang penting dalam kajian keselamatan seperti yang diujahkan oleh sarjana-sarjana keselamatan tradisional, namun pengalaman Malaysia berhadapan ancaman RSA semasa insiden Tanduo pada tahun 2013 menunjukkan dengan jelas bahawa ancaman yang ditimbulkan oleh kumpulan aktor bukan negara ini amat memberi kesan kepada keselamatan negara. Respon dan dasar yang ditunjukkan oleh pemerintah dan pasukan keselamatan serta cemas dan panik yang ditunjukkan oleh masyarakat dan pihak berkuasa di Malaysia dalam insiden ini menunjukkan dengan jelas bagaimana ancaman keselamatan yang ditimbulkan oleh aktor bukan negara ini perlu diberi perhatian yang lebih serius dalam memahami persoalan keselamatan di Malaysia. Jelasnya, walaupun aktor bukan negara tidak mendapat perhatian yang serius dalam kajian keselamatan, namun pengalaman Malaysia menunjukkan dengan jelas bahawa ancaman yang ditimbulkan oleh kumpulan ini lebih memberikan implikasi yang besar kepada isu keselamatan Malaysia. Dalam hal ini, jelas menunjukkan bahawa pendekatan Realisme yang selama ini terlalu menekankan kepada ancaman tradisional dalam memahami persoalan keselamatan nasional boleh dipersoalkan dalam memahami persoalan keselamatan di Malaysia. Jelasnya, insiden Tanduo ini menunjukkan bahawa aktor bukan negara juga memainkan peranan penting dalam memahami persoalan ini. Malahan berdasarkan kepada perbincangan di atas jelas menunjukkan bahawa dalam konteks keselamatan nasional di Malaysia sejak negara mencapai kemerdekaan, ancaman yang ditimbulkan oleh aktor bukan negara ini merupakan elemen penting yang memainkan peranan penting dalam isu keselamatan di Malaysia. Insiden ini sekali gus memberikan gambaran bahawa pendekatan holistik adalah alternatif penting untuk memahami isu dan masalah persoalan keselamatan di negara ini. Ini sekali gus menunjukkan bahawa pendekatan ketenteraan semata-mata belum cukup untuk mengurangkan kadar ancaman yang ditimbulkan oleh aktor-aktor bukan negara seperti yang ditunjukkan dalam insiden Tanduo ini.

PENGHARGAAN

Artikel ini berdasarkan penelitian penyelidik Fakulti Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sabah melalui geran FRGS (FRG0331-SS-1/2013 dan FRG0440-SS1/2016) yang dibiayai oleh Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia. Ia juga sebahagian daripada tesis Sarjana saudara Zainus. Penulis ingin mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan kajian ini.

NOTA HUJUNG

- ¹ Terdapat dua kumpulan utama yang penting membincangkan bagaimana fokus utama dalam kajian keselamatan; Tradisionalis dan bukan Tradisionalis. Kumpulan bukan Tradisionalis merujuk kepada kumpulan yang cuba terlibat dalam agenda *deepening* dan *broadening* dalam kajian keselamatan dan menolak peranan negara sebagai rujukan utama dan agen keselamatan. Manakala sarjana Tradisionalis merujuk kepada kumpulan sarjana yang tertumpu di Amerika Syarikat yang enggan untuk mendefinisikan semula keselamatan dalam bentuk *deepening* atau *broadening* ini kerana bimbang tindakan ini akan hanya merosakkan kajian terbabit. Oleh itu, kumpulan ini masih melihat peranan tentera, negara dan perang sebagai asas penting dalam kajian keselamatan.
- ² CSS merujuk kepada kumpulan yang menentang aliran tradisional, terutamanya realis dalam kajian keselamatan. Sejarah aliran ini dapat dilihat melalui pertemuan pertama di Toronto pada 1994 yang menggabungkan beberapa aliran dalam kajian keselamatan sama ada *Feminism*, *Human Security*, *Constructivism*, *post-structuralism*, *post-colonialism*, *Third World Security Studies*, *post/neo-Marxist* dan beberapa aliran lain. Ia kemudiannya berjaya menghasilkan sebuah buku yang disunting oleh Krause dan Williams yang diberi tajuk *Critical Security Studies: Concepts and Cases*. Malangnya aliran CSS ini kemudiannya berpecah apabila Booth yang juga merupakan salah seorang peserta dalam Conference 1994 tersebut mewujudkan satu aliran baru kajian keselamatan juga yang dikenali sebagai *Critical Security Studies* atau

Welsh School. Oleh itu, aliran *Welsh School* ini sering dirujuk sebagai *Critical Security Studies* (berhuruf besar) dan satu kumpulan lain sebagai *critical security studies* (berhuruf kecil). Untuk keterangan lanjut mengenai latar belakang perkembangan ini lihat, Mutimer, Grayson dan Beier 2013, Booth 2005, Krause dan Williams 1997.

- ³ Namun dalam hal ini, aliran *deepeners* ini turut mengakui bahawa ancaman kepada objek-objek rujukan selain daripada negara ini juga boleh datang daripada pelbagai sudut melibatkan ancaman ketenteraan, politik, alam sekitar dan sebagainya (Klare & Thomas 1994; Booth 1997; Wyn-Jones 1995; Waeber 2002; Kaldor 2012; UNDP 1994).
- ⁴ Namun, berdasarkan kepada temu bual yang dijalankan di lapangan mendapati bahawa terdapat versi lain kepada sebab utama kedatangan kumpulan ini; antaranya adalah untuk mendapatkan semula tanah di kawasan Felda Lahad Datu yang diambil secara paksa oleh kumpulan-kumpulan tertentu dan beberapa sebab lain (Temu bual bersama beberapa orang responden di Lok Buani dan Felda Sahabat, Lahad Datu, 9-14 Sept. 2014 dan 6-11 April 2015).

RUJUKAN

- Ayoob, M. 1984. Security in the third world: The worm about to turn. *International Affairs* 60(1): 41-51
- Booth, K., eds. 2005. *Critical Security Studies and World Politics*. Boulder, Colorado: Lynne Rienner.
- Booth, K. 1991. Security and emancipation. *Review of International Studies*. 17(4): 313-326.
- Booth, K. 1997. Security and self: Reflections of a fallen realist. In *Critical Security Studies: Concepts and Cases*, edited by Krause, K. & Williams, M. Minneapolis: University of Minnesota Press.
- Buzan, B. 1991. *People, States and Fear: An Agenda for International Security Studies in the Post-Cold War Era*. 2nd Edition. Boulder: Lynne Rienner.
- Caballero-Anthony, M. 2015. Community security: human security at 21. *Contemporary Politics*. 21(1): 53-69
- Daily Express* (Sabah). 2013. Sultan says followers won't leave. 19 Februari.
- Dalby, S. 2013. Climate change. *The RUSI Journal*. 158(3): 34-43.
- Kaldor, M. 2012, *New and Old Wars: Organized Violence in a Global Era*. 3rd Edition, Cambridge: Polity Press
- Klare, M. T., and Thomas, D. C., eds. 1994. *World Security: Challenges for a New Century*. New York: St. Martin's Press
- Krause, K. & Williams, M. C., eds. 1997. *Critical Security Studies: Concepts and Cases*. Minneapolis: University of Minnesota Press.
- Krause, K. & Williams, M. C. 1996. Broadening the agenda of security studies: Politics and methods. *Mershon International Studies Review*. 40(2): 229-254
- Mohd Razif Mustafa. 2014. Krisis lahad datu dari hubungan antarabangsa, <http://coretanmayarazief.blogspot.my/2014/06/krisis-lahad-datu-dari-hubungan.html> Dicapai: 23 Disember 2015
- Muhammad Latif Khalfi Jaafar. 2014. *Pencerobohan Lahad Datu: Merungkai Sejarah Tuntutan Sabah* Latihan Ilmiah Universiti Malaysia Sabah
- Mutimer, D., Grayson, K. & Beier, J. M. 2013. Critical studies on security: An introduction. *Critical Studies on Security*. 1(1): 1-12.
- New Sabah Time*. 2013. PM: Penceroboh bersenjata mulakan dulu serangan. 2 Mac
- New Sabah Times*. 2013. 12 Tentera Sulu, dua tentera kita terbunuh. 2 Mac
- New Sabah Times*. 2013. Pihak Keselamatan Kuasai keadaan: KM, 20 Februari Nur Azizan Idris. 2012. Dari pendekatan Realisme ke perspektif Kritikal: Menyelurusi kajian keselamatan Semasa dan pasca Perang Dingin. Dlm. *Keselamatan Nasional di Malaysia*, disunting oleh Kamarulnizam Abdullah. Bangi: Penerbit UKM.
- Nor Azizan Idris. 2012. Dari pendekatan Realism ke perspektif Kritikal: Menyelurusi kajian keselamatan Semasa dan pasca Perang Dingin. Dlm. *Keselamatan Nasional Malaysia*, disunting oleh Kamarulnizam Abdullah. Bangi: Penerbit UKM.
- Nye, J. Jr., & Lynn-Jones, S. M. 1987. International security studies: A report of a conference on the state of the field. *International Security*. 12(4): 5-27.

- Piper, N. 2006. Gendering the Politics of Migration. *International Migration Review* 40(1): 133-164.
- Ramli Dollah & Kamarulnizam Abdullah. 2014. Persoalan dan Asas Kajian Keselamatan Antarabangsa. Dlm *Asas Hubungan Antarabangsa*, disunting oleh Ramli Dollah & Marja Azlima Omar. Kota Kinabalu: UMS Press.
- Ramli Dollah & Mohd Zambri Suharani. 2015. Fungsi dan Peranan ESSCOM dalam menjamin keselamatan Sabah: Satu perbandingan persepsi antar komuniti 'luar' dan komuniti ESSZONE. *Jurnal Komunikasi Borneo* 2: 1-28.
- Ramli Dollah, W. Shawaluddin W. Hassan, Peters, D. & Zaini Othman. 2016. Old threats, new approach and national security in Malaysia: Issues and challenges in dealing with cross-border crime in East Coast of Sabah. *Mediterranean Journal of Social Sciences*. 7(3): 178-186.
- Ramli Dollah. 2004. Lanun ATAU Mundu di Sabah. *JATI: Journal of Southeast Asia* 9: 171-188.
- Sharifah Munirah Alatas. 2003. The Role of NGOs and Non-State Actors in Malaysia's Foreign Policy Formulation During the Mahathir Era *Akademika* 62: 59-84
- The Malaysian Insider*. 2013. Rundingan dengan kumpulan penceroboh Lahad Datu diteruskan, kata Zahid, <http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/rundingan-dengan-kumpulan-penceroboh-lahad-datu-diteruskan-kata-zahid> Dicapai: 16 Februari 2015.
- UNDP. 1994. *Human Development Report 1994 - New Dimensions of Human Security*. New York: Oxford University Press.
- Utusan Malaysia*. 2013. KPN sahkan lima anggota polis maut serangan di Semporna. 3 Mac 2013.
- Utusan Malaysia*. 2013. Lahad Datu: Lapan Lagi Dituduh di bawah SOSMA. <http://www.utusan.com.my> Dicapai: 7 Disember 2015.
- Utusan Malaysia*. 2013. Polis gugurkan risalah amaran terakhir kepada penceroboh. 3 Mac 2013.
- Walt, S. 1991. The renaissance of security studies. *International Studies Quarterly* 35(2): 211-239.
- Wyn-Jones, R. 1995. Message in a bottle? Theory and praxis in critical security studies. *Contemporary Security Policy* 16(3) (December): 299-319.
- Wyn-Jones, R. 1996. Travel without maps: Thinking about Security after the Cold War. In *Security Issues in the Post-Cold War World*, edited by Jane Davis. Cheltenham: Edward Elgar

Ramli Dollah (corresponding author)
Fakulti Kemanusiaan (FKSW)
Universiti Malaysia Sabah
88400 Kota Kinabalu
Sabah
Malaysia
E-mail: ramlid@hotmail.com

Zainus Sagi Khusyairy Pangkas
Fakulti Kemanusiaan (FKSW)
Universiti Malaysia Sabah
88400 Kota Kinabalu
Sabah
Malaysia
E-mail: simplecheckmate@gmail.com

Received: 1 April 2016
Accepted: 24 August 2017

